

# Bomba selamatkan bayi terkunci dalam rumah



AZLIN mencium bayinya yang diselamatkan selepas terperangkap dalam rumah di Jalan Damai Budi 3, Taman Damai, Alam Damai, Cheras semalam.

KUALA LUMPUR - Seorang ibu berdepan detik cemas kira-kira sejam apabila bayinya yang baru berusia dua bulan terperangkap di dalam rumah yang terkunci di Jalan Damai Budi 3, Taman Damai, Alam Damai, Cheras di sini semalam.

Kejadian pada pukul 10 pagi itu berlaku ketika Azlin Mat Rof, 35, keluar menyidai pakaian di luar rumah.

Ketua Operasi dari Balai Bomba dan Penyelamat Cheras, Mohd. Rosuhli Mohd. Taharim berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan mengenai kejadian itu pada pukul 10.23 pagi sebelum menghantar sebuah jentera bersama lapan anggota ke tempat kejadian.

"Sejurus tiba di rumah yang ter-

kunci itu, kita mendengar bayi berkenaan sedang menangis.

"Kita mengambil masa kira-kira lima minit untuk memecah pintu jeriji yang terkunci secara automatik sebelum masuk ke dalam dan menyelamatkan bayi itu," kata beliau ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Mohd. Rosuhli memberitahu, bayi berkenaan tidak mengalami sebarang kecederaan kecuali menunggis mungkin kelaparan selepas ditinggalkan seorang diri di dalam rumah itu.

Katanya, pintu jeriji automatik itu dikatakan tertutup dengan sendiri apabila ditiup angin yang agak kencang semasa Azlin keluar menyidai kain.